



**MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU
SERDANG, KEDAH DARUL AMAN**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada **anak Negeri Kedah Darul Aman** yang berumur tidak kurang dari 18 tahun untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :-

BIL	NAMA JAWATAN/ GRED	KEKOSONGAN / TARAF JAWATAN	JADUAL GAJI		KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	PENOLONG JURUAUDIT W29	1 (KONTRAK)	RM1,498.00	RM5,678.00	RM 145

* Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan dan bantuan Sara Hidup.

Syarat-syarat lantikan:-

- a. warganegara Malaysia;
- b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c.
 - i. Sijil dalam bidang pengajian atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - ii. *Certified Accounting Technician (CAT)* yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
 - iii. diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,776.08); atau
 - iv. *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM2001.68)

Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Juruaudit adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Juruaudit Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- a. i. mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c);
- ii. dan lulus Peperiksaan Khas; dan
- b. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

Deskripsi Tugas:

Menolong Juruaudit dalam menjalankan auditan terhadap akaun dan aktiviti-aktiviti Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain kumpulan wang yang di bawah bidang kuasa Ketua Audit Negara.

Cara Memohon :-

- a) Borang Permohonan boleh didapati di **Pejabat Majlis Daerah Bandar Baharu, Serdang, Kedah Darul Aman** dengan datang sendiri pada waktu pejabat. [Borang permohonan boleh didapati dengan harga RM 3.00 bagi setiap satu Borang].
- b) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan maklumat-maklumat yang **DIAKUI SAH** oleh Wakil Rakyat, mana-mana pegawai Kerajaan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan I yang diberi kuasa / Penghulu / Pengerusi / JKKK yang mempunyai cop rasmi jawatan seperti berikut :-
 - i. Salinan Kad Pengenalan;
 - ii. Salinan Surat Beranak;
 - iii. Salinan Transkrip bagi sijil yang berkenaan; dan
 - iv. Sekeping gambar berukuran pasport.
- c) Pegawai-Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah menghantar permohonan **melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A Perenggan 31.**
- d) Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada :-

**YANG DI PERTUA,
MAJLIS DAERAH BANDAR BAHARU,
09800 SERDANG,
KEDAH DARUL AMAN.
(u.p : Bahagian Korporat Dan Khidmat Pengurusan)**

SEBELUM ATAU PADA : 07 DISEMBER 2021

- e) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya :
 - Borang Permohonan tidak lengkap atau tidak bergambar;
 - Tidak memenuhi syarat iklan; dan
 - Tidak disertakan dokumen sokongan yang diakui sah dan tidak ditandatangani.

Catatan Am :-

- a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan di panggil untuk ditemuduga.
- b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.
- c) Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.